

BAB 8 : KEBIJAKSANAAN RAJA DAN PEMBESAR MELAYU MENANGANI CABARAN BARAT

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK : Tindak Balas Masyarakat Tempatan	SK : 8.2 - Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat	SP: 8.2.1

1. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Perjanjian Bangkok. (*m.s200-202*)

Kesungguhan British untuk meluaskan kuasa ke atas Negeri-negeri Melayu Utara berhasil melalui Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909 tanpa mengambil kira soal kebudayaan, geografi, etnik dan agama penduduk tempatan. British dan Siam telah membahagikan sempadan berdasarkan Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok.

- (a) Jelaskan perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh British dan Siam dalam Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909. (6 Markah)
- (b) Bagaimanakah reaksi pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara terhadap Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909 (6 Markah)
- (c) Seorang pemerintah perlu bijaksana dalam mengurus pentadbiran sesebuah negeri atau negara. Apakah tindakan yang perlu diambil untuk melahirkan pemimpin yang bijaksana ? Huraikan. (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK : Tindak Balas Masyarakat Tempatan	SK : 8.2 - Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat	SP: 8.2.2,8.2.3

2 Maklumat berikut berkaitan proses pembangunan dan pemodenan para pembesar negeri-negeri Melayu kepada Negara. (*m.s. 210-213*)

- Long Jaafar
- Wan Muhammad Saman
- Dato' Muhammad Salleh bin Perang

- (a) Bincangkan proses pembangunan dan pemodenan para pembesar tersebut. (6 Markah)
- (b) Jelaskan kesan sumbangan para pembesar tersebut terhadap kemajuan Negara (6 Markah)
- (c) Sekiranya anda dilantik sebagai pembesar, apakah usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk memajukan Negara ? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3

TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	TAJUK : Tindak Balas Masyarakat Tempatan	SK : 8.2 - Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat	SP: 8.2.4
--	---	--	---------------------

3. Para pembesar negeri-negeri Melayu berusaha bergandingan dengan pemerintah negeri dalam proses pembangunan dan pemodenan demi kesejahteraan rakyat tempatan.
(*m.s. 216-219*)
- (a) Terangkan bidang pembangunan yang menjadi tumpuan antara pembesar dan pemerintah Melayu. (6 Markah)
- (b) Jelaskan kesan peranan yang dilaksanakan oleh pemerintah tempatan dalam menangani cabaran Barat. (6 Markah)
- (c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan menghargai sumbangan pemimpin terdahulu? (8 Markah)

**PANDUAN PENSKORAN –
BAB 8 : KEBIJAKSANAAN RAJA DAN PEMBESAR MELAYU MENANGANI
CABARAN BARAT**

No. Soalan	Jawapan	Markah
1(a)	<p>Jelaskan perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh British dan Siam dalam Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909.</p> <p>F1 Garis sempadan F2 berasaskan legeh dan lembah sungai F3 Bermula dari utara muara sungai Perlis di sebelah barat F4 Berakhir di muara kuala Tabal di sebelah Timur F5 Pulau Langkawi dan pulau-pulau di bahagian Selatan F6 menjadi kepunyaan British F7 Pulau Terutau dan pulau-pulau di bahagian utara F8 menjadi milik Siam</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 6 x 1 m)</i></p>	(6 markah)
1(b)	<p>Bagaimana reaksi pemerintah Negeri-Negeri Melayu Utara terhadap Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909</p> <p>F1 Raja Syed Alwi Jamalullai membantah tindakan Siam mengambil wilayah Pujoh H1a dimasukkan ke dalam wilayah Setul H1b sepatutnya menjadi sebahagian dari Perlis kerana ditadbir oleh penghulu Kuala Perlis F2 Sultan Abdul Hamid Halim Shah menegaskan bahawa sempadan baharu Kedah dan Siam harus mengikut kriteria sempadan yang sedia ada F3 baginda murka H3a tidak akan memaafkan pihak yang menjual Kedah H3b seperti seekor haiwan F4 Sultan Zainal mengecam tindakan Siam H4a menegaskan Siam tiada hak ke atas Terengganu H4b Mengulang kenyataan bahawa penghantaran bunga emas H4c adalah sebagai sahabat H4d bukan menandakan jajahan Siam</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 6 x 1 m)</i></p>	(6 markah)
1(c)	<p>Apakah tindakan yang perlu diambil untuk melahirkan pemimpin yang bijaksana ? Huraikan .</p> <p>F1 Melatih generasi muda dengan nilai kepimpinan H1a mampu mengurus diri H1b mampu mempengaruhi orang lain F2 Mendedahkan generasi muda dengan sirah rasulullah H2a supaya menerapkan sifat bertanggungjawab dan amanah H2b mempunyai ketahanan H2c bersedia menerima kritikan F3 Menanamkan nilai positif dalam diri H3a supaya tidak mudah lemah untuk menghadapi cabaran F4 Menggalakkan generasi muda bersukan H4a semangat kesukanan dapat memupuk semangat kerjasama yang tinggi H4b bersukan juga mampu memupuk erti perjuangan dan tidak Mudah mengaku kalah</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana yang munasabah)</i></p>	(8 Markah)

No. Soalan	Jawapan	Markah
<p>2(a)</p>	<p>Bincangkan proses pembangunan dan pemodenan para pembesar tersebut.</p> <p style="text-align: center;">Long Jaafar</p> <p>F1 Memajukan perlombongan bijih timah di daerah Larut</p> <p>F2 Memperkenalkan negeri Melayu di pasaran dunia</p> <p>F3 Sebagai pengeluar utama bijih timah</p> <p>F4 Menggalakkan pusat pengajian agama dan membina sekolah Melayu Matang.</p> <p>F5 Memberikan Pendidikan kepada anak tempatan</p> <p style="text-align: center;">Wan Muhammad Saman</p> <p>F6 Dikenali sebagai Tokoh Pembangunan negeri Kedah</p> <p>F7 Mencetuskan idea membina terusan</p> <p>F8 Bermula dari Alor Setar hingga kaki Gunung Jerai, Gurun.</p> <p>F9 Diberi nama Terusan Wan Muhammad Saman</p> <p>F10 Dibina dengan ukuran panjang 36km, lebar 7.5m dan dalam 1.5m</p> <p style="text-align: center;">Dato' Muhammad Salleh bin Perang</p> <p>F11 Melukis peta lengkap pertama bagi negeri Johor</p> <p>F12 Memudahkan kerajaan menggerakkan pembangunan pertanian, perbandaran, dan Sistem perhubungan</p> <p>F13 Mengasaskan pembukaan Bandar Maharani (Muar), Endau dan Bandar Penggaram (Batu Pahat)</p> <p style="text-align: right;">(2 FAKTA UNTUK SETIAP TOKOH)</p>	<p style="text-align: right;">(6 Markah)</p>
<p>2(b)</p>	<p>Jelaskan kesan sumbangan para pembesar tersebut terhadap kemajuan Negara.</p> <p>F1 -Melaksanakan pemodenan Negara</p> <p>F2-Menjamin kesejahteraan rakyat</p> <p>F3-Menyediakan peluang pekerjaan</p> <p>F4-Membangunkan bidang pertanian</p> <p>F5-Banyak tanah dibuka untuk pertanian padi</p> <p>F6-Memudahkan mengairi tanah -tanah sawah</p> <p>F7-Membaiki taraf hidup rakyat</p> <p>F8-Proses perbandaran bermula</p> <p>F9-Sistem perhubungan berkembang</p> <p>F10-Mengelakkan campur tangan kuasa asing</p> <p>F11-Menjadi contoh kepada negeri lain untuk memajukan negeri masing-masing</p> <p style="text-align: right;">(mana-mana 6 x 1 m)</p>	<p style="text-align: right;">(6 Markah)</p>

<p>2(c)</p>	<p>Sekiranya anda dilantik sebagai pembesar, apakah usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk memajukan Negara?</p> <p>F1-Memajukan sistem pendidikan C1-Membina sekolah yang moden F2-Melahirkan golongan cerdik pandai H1-Membina banyak pusat pengajian tinggi yang menyediakan pelbagai bidang pengajian. F3Mengutamakan kemajuan ekonomi H2-Meluaskan hubungan dagang antara bangsa H3-Memberi pelbagai kemudahan untuk memajukan ekonomi C2-Pinjaman memulakan perniagaan F4-Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat H4-Membantu meningkatkan taraf hidup rakyat F5-Membangunkan bidang pertanian H5-Membuka lebih banyak kawasan pertanian dan mempelbagaikan hasil pertanian. F6-Memajukan system pengairan H6-Memudahkan aktiviti pertanian F7-Menyediakan kemudahan asas C3-Jalan raya, jalan keretapi dan lain-lain. H7-Kebajikan rakyat terpelihara</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana yang munasabah)</i></p>	<p style="text-align: right;">(8 Markah)</p>
--------------------	---	---

No. Soalan	Jawapan	Markah
<p>3(a)</p>	<p>Terangkan bidang pembangunan yang menjadi tumpuan antara pembesar dan pemerintah Melayu.</p> <p>F1 Pembangunan sosioekonomi H1 Long Jaafar dan Tengku Menteri Ngah Ibrahim, usahawan bijih timah memajukan daerah Larut Matang</p> <p>F2 Pembangunan pertanian H2 Wan Muhammad Saman mencetuskan idea membina terusan bermula dari Alor Setar hingga kaki Gunung Jerai, Gurun</p> <p>F3 Pembangunan Bandar H3 Dato' Muhamad Salleh bin Perang melukis peta lengkap pertama bagi memudahkan kerajaan menggerakkan pembangunan pertanian, perbandaran dan sistem pembangunan</p> <p style="text-align: right;"><i>(mana-mana 6 x 1 m)</i></p>	<p style="text-align: right;">(6 Markah)</p>

<p>3(b)</p>	<p>Jelaskan kesan peranan yang dilaksanakan oleh pemerintah tempatan dalam menangani cabaran Barat.</p> <p>F1 Kemakmuran negeri H1a Kemakmuran ekonomi Johor merupakan manifestasi kecekapan dan keberkesanan sistem pentadbiran yang diwujudkan pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 H1b Menarik lebih ramai pelabur asing datang ke Johor untuk melabur dalam sektor pertanian komersial seperti gambir dan lada hitam F2 Melambatkan perluasan kuasa British H2a Kebijaksanaan dan ketegasan pemerintahan tempatan terutama di Johor dan Terengganu H2b Penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dan Undang-undang Bagi Diri Terengganu membantutkan cita-cita British untuk meluaskan kuasa ke atas negeri tersebut. F3 Kemajuan pendidikan H3a British kurang perhatian kepada pendidikan terutama pendidikan wanita kerana dianggap tidak memberikan pulangan ekonomi kepada British H3b Desakan berterusan Raja-raja melalui Durbar mengenai kepentingan pendidikan anak watan membawa kepada penubuhan sekolah-sekolah di negeri-negeri Melayu termasuk sekolah perempuan F4 Penubuhan Rejimen Askar Melayu Diraja H4 Rejimen Askar Melayu ditubuhkan hasil inisiatif Yamtuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhammad ibni Yamtuan Antah, Sultan Perak, Sultan Alang Iskandar, Undang Luak Rembau Dato' Abdullah dan Raja Di Hilir Perak, Raja Chulan ibni Sultan Abdullah F5 Mempertahankan institusi beraja H5 Dalam menangani cabaran Barat, raja-raja membuktikan kebolehan berdiplomasi sehingga institusi raja dapat dikekalkan dan Berjaya dipertahankan</p> <p style="text-align: right;">(mana-mana 6 x 1 m)</p>	<p>(6 Markah)</p>
<p>3(c)</p>	<p>Pada pandangan anda, apakah kepentingan menghargai sumbangan pemimpin terdahulu?</p> <p>F1 Mengekalkan kedaulatan negara H1 Bagi mengelakkan campur tangan kuasa asing dalam negara kita F2 Memupuk perpaduan H2 Memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat agar keharmonian terjaga F3 Meningkatkan jati diri dalam kalangan warganegara H3 Walaupun pemodenan dan kemajuan ditempa, namun jati diri rakyat masih kekal dan utuh F4 Inspirasi H4 Kewibawaan pemimpin terdahulu wajar dihayati dan dijadikan inspirasi generasi masa kini dan akan datang F5 Membina kecemerlangan diri, bangsa dan agama</p> <p style="text-align: right;">(mana-mana yang munasabah)</p>	<p>(8 Markah)</p>